

Legasi kehebatan Radin Umar dihargai

Lebih seminggu sudah berlalu sejak Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi meninggal dunia pada usia 53 tahun akibat sakit barah. Akhbar masih menyiarkan berita mengenai beliau, kerja dan sumbangan sepanjang hayat.

Belum ada naib cancellor di negara ini yang menerima liputan begitu meluas apabila meninggal dunia seperti mantan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) yang melepaskan jawatan pada 31 Disember 2012, setahun lebih awal daripada jadual tiga tahun berkhidmat oleh kerana kesihatan yang tidak mengizinkan.

Tetapi saya dapat memahami semua ini kerana saya agak lama bekerja bersama-sama beliau -- bermula sebagai tutor dan beliau pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Sivil, Fakulti Kejuruteraan UPM yang baru ditubuhkan pada 1985.

Kebetulan bilik saya bersebelahan biliknya dan walaupun beliau senior saya beberapa


tahun, boleh dikatakan kami sentiasa bekerjasama. Apabila beliau menjadi Dekan Fakulti, saya menjadi ketua jabatan -- boleh gambarkan betapa saya begitu mengenali beliau.

Kagum kebolehan beri tumpuan kepada kerja

Satu perkara yang saya kagumi mengenai beliau adalah kebolehannya memberi tumpuan sepenuhnya kepada kerja dan bagaimana beliau mampu melihat dan menjelaskan sesuatu dengan begitu mendalam kepada semua orang di sekelilingnya.

Itulah kekuatan beliau, kebolehannya mendapatkan individu dan pertubuhan membantu beliau dalam tugasnya mengenai isu keselamatan jalan raya dan masalah trafik yang menjadi minat beliau sejak dulu lagi.

Walaupun pada mulanya beliau memohon untuk menyertai Universiti Malaya, tetapi perkhidmatannya dengan UPM telah memberinya lebih peluang mengembangkan



Radin Umar

minat beliau.

Orang ramai mengenali beliau kerana memperkenalkan laluan khas penunggang motosikal di negara ini untuk mengurangkan kemalangan motosikal dan kematian, penentuan 'kawasan hitam' atau bahagian jalan raya dan lebuh raya yang banyak berlaku kemalangan, penubuhan Institut Kajian Keselamatan Jalan Raya (MIROS) pada 2007 dan pengenalan pendidikan keselamatan jalan raya dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah.

Tetapi ramai tidak mengetahui bagaimana Radin hanya seorang jurutera muda, berjaya meyakinkan penggubal dasar di Jabatan Kerja Raya atau pihak tentera dan polis Bukit Aman agar mendengar dan akur serta melaksanakan idea

beliau mengenai keselamatan jalan raya dan mencegah kemalangan.

Beliau selalunya membuat keputusan dan mendapat idea berdasarkan fakta dan perangkaan, tidak sesekali berdasarkan emosi atau persepsi. Oleh kerana itu beliau akan mengumpulkan data sepanjang masa dan menggunakan perangkaan, fakta dan angka diperoleh itu untuk menguatkan idea dan cadangan beliau. Inilah yang menjadi kekuatan beliau dalam usaha untuk meyakinkan dan merangsang orang di sekitar beliau.

Sebagai contoh, beliau mampu meminta polis menggunakan satu format pertanyaan ketika mengambil laporan mengenai kemalangan jalan raya, lantas memberi beliau data yang membolehkan beliau memahami dan merangka huraian kepada masalah keselamatan jalan raya. Ini dikenali sebagai Sistem Analisis Kemalangan Mikrokomputer (MAAP) yang beliau rangka semula kemudiannya, hingga dijadikan sistem merakam kemalangan kebangsaan atau POL27 (Pin1/91) yang digunakan polis sejak 1991.

Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jaafar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM